

13 AUG 2003

Mahathir-Perang

GLOBALISASI BARAT BOLEH CETUSKAN PERANG DUNIA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MBABANE (Swaziland), 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa globalisasi ala Barat boleh menghancurkan dunia menerusi peperangan peringkat global sepenuhnya dengan negara minoriti yang kaya berperang dengan negara manjoritinya miskin.

Perdana Menteri berkata: "Perang dunia yang akan tiba bukan antara perikatan negara-negara tetapi membabitkan antara kelas rakyat".

Oleh itu, negara membangun perlu bersatu dan menginterpretasikan globalisasi berasaskan kepada konsep "memakmurkan jiran dengan formula sama-sama menang, katanya dalam ucap terna di jamuan malam pembukaan Dialog Perkongsian Pintar Antarabangsa Global 2003 di Ezulwini, kira-kira 10 kilometer dari sini pada Rabu.

"Interpretasi globalisasi pada masa ini melebarkan jurang ketidaksaksamaan sepanjang masa dengan negara kaya bukan sahaja menjadi semakin kaya malah mereka akan dipisahkan daripada yang miskin berdasarkan etnik atau kenegaraan mereka dan lama-kelamaan, yang miskin akan membalasnya," katanya.

Perang akan "berskala dunia (dan) sudah pun berlaku," katanya yang memetik keganasan hari ini yang sebahagiannya merupakan luahan perbezaan antara yang gkaya dan miskin serta dalam pengagihan kekayaan.

"Jangan terlalu yakin bahawa yang miskin tidak mempunyai kepintaran" memandangkan tiada siapa yang dapat meramalkan serangan ganas 11 Sept walaupun negara berkuasa besar mempunyai kecanggihan dalam mengumpul maklumat," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebelum itu tiba di sini pada awal pagi selepas menamatkan lawatan ke Algeria.

Yang turut hadir pada jamuan malam itu ialah Raja Mswati III Swaziland yang menjadi tuan rumah dialog empat hari itu bersama-sama beberapa ketua kerajaan negara Afrika termasuk Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, Presiden Uganda Yoweri Museveni dan Timbalan Presiden Afrika Selatan Jacob Zuma.

Dalam ucapannya yang bertajuk "Bersama Mewujudkan Masa Depan Kita: Cara Perkongsian Pintar," Dr Mahathir berkata penawar untuk mencegah malapetaka global seperti itu adalah dengan negara membangun bersatu dan memperkukuhkan kekuatan dan dalam proses itu mewujudkan pengaruh dalam urusan global.

"Ada di kalangan yang kaya yang mempunyai hati nurani, ada yang percaya bahawa eksploitasi yang kaya terhadap yang miskin tidak betul... mereka terkecuali tetapi kita tidak dapat membentuk gabungan dengan mereka," kata Dr Mahathir.

"Namun, yang paling penting, kita perlu urus negara masing-masing dengan baik dengan kuasa dan kekayaan digunakan untuk membina dan memajukan ekonomi Dunia Ketiga kerana ia akan memberi keuntungan jangka panjang dan membolehkan negara membangun menentukan nasib masing-masing," katanya.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana di Malaysia, kumpulan minoriti yang kaya raya yang terdiri daripada kaum Cina, dan majoriti yang tidak berada, yang terdiri daripada kaum Melayu yang tinggal di luar bandar, mengadakan perkongsian pintar untuk berkongsi kekayaan dengan membuat sedikit sebanyak pengorbanan dan bukan dengan merebut kekayaan secara paksa kerana cara itu tidak akan menghasilkan kekayaan pada masa akan datang.

"Jadi, yang miskin dan yang kaya sama-sama berkongsi kemakmuran, walaupun mungkin dengan cara yang tidak adil pada mulanya, tetapi lama

kelamaan akan menjadi lebih adil," katanya sambil menegaskan bahawa dalam hidup ini kekayaan tidak akan datang dengan serta-merta dan begitu juga halnya dengan kemiskinan.

Kata beliau: "Kami di Malaysia percaya bahawa adalah jauh lebih baik memiliki sepotong kek yang boleh berkembang daripada memiliki sebiji kek yang pasti akan lenyap."

Perdana Menteri berkata oleh kerana Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) nampaknya tidak lagi mempedulikan Dunia Ketiga serta pertubuhan antarabangsa lain dan hanya menjaga kebajikan satu dua pihak yang terpilih tanpa mempedulikan sebahagian besar yang lain, maka negara membangun terpaksa bergantung kepada kekuatan sendiri bagi menghadapi rempuhan globalisasi serta mengatasi ketidakadilan yang datang bersamanya.

Oleh itu, kata Dr Mahathir: "Kita perlu wujudkan perkongsian pintar, mula-mula antara sesama kita, yang merupakan negara miskin yang sedang membangun, untuk mencari sedikit sebanyak kekuatan bagi menentukan rejim ekonomi dunia, dan selepas itu, dengan negara kaya, yang sebenarnya tidak begitu besar jumlahnya".

Dr Mahathir berkata: "Kita perlu berusaha untuk mengembalikan perasaan timbang rasa dalam menguruskan hal ehwal kita, hal ehwal negara dan antarabangsa (dan) ini dapat kita lakukan jika kita percaya kepada prinsip memakmurkan jiran, perkongsian pintar dan formula sama-sama menang."

Bagaimanapun, beliau mengingatkan hadirin supaya jangan meletakkan cita-cita yang terlalu tinggi dengan berkata "mula-mula sekali kita perlu lakukan apa yang baik bagi masyarakat dan negara kita, sebelum cuba mengubah dunia".

"Kita perlu yakin yang kita akan dapat melakukannya dan dengan itu barulah kita akan berjaya.

"Kita juga perlu bersedia melakukan apa yang dianggap sebagai pengorbanan peribadi walaupun sebenarnya tidak begitu. Kemudian kita perlu membuat pengorbanan untuk negara yang akhirnya akan terbukti bahawa ia sebenarnya bukanlah suatu pengorbanan kerana ia memberi pulangan yang lumayan.

"Begitulah caranya untuk kita sama-sama mencorakkan nasib kita, sama-sama mewujudkan perkongsian pintar," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MR AHH SP LAT